

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 1 TAHUN 2019

**TINDAKAN KE ATAS TANAH-TANAH YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN
PIHAK BERKUASA NEGERI DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA
1965 APABILA TIADA BAYARAN DITERIMA SETELAH NOTIS BORANG 5A
DISAMPAIKAN TAMAT TEMPOH**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai Tindakan Ke Atas Tanah-Tanah Yang Telah Mendapat Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 Apabila Tiada Bayaran Diterima Setelah Notis Borang 5A Disampaikan Tamat Tempoh.

2. Audit Pengurusan dan Pentadbiran Tanah Ke Atas Prosedur Pemberimilikan Tanah di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 yang dijalankan di seluruh Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri Kelantan telah menemui perkara berikut:

2.1 Ketidakpatuhan kepada Kaedah 77, Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966 iaitu penggunaan Notis Borang 5A bagi tujuan pemberitahuan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta tuntutan bayaran;

2.2 Tiada tindakan susulan dibuat oleh Pentadbir Tanah setelah Notis Borang 5A yang disampaikan tidak dijelaskan dan tamat tempoh.

3. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah diingatkan supaya menggunakan Notis Borang 5A untuk tujuan pemberitahuan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta tuntutan bayaran. Surat pentadbiran adalah sebagai kembaran kepada Notis Borang 5A tersebut.

4. Bagi Notis Borang 5A yang telah tamat tempoh dan tiada pembayaran diterima, semua Pentadbir Tanah diminta untuk mengambil tindakan dengan mengumpul dan mengangkat semua permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri secara berkelompok bagi tujuan diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

5. Bagi permohonan baru pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965, satu pengesyoran tambahan yang menyatakan bahawa kegagalan mematuhi Notis Borang 5A dengan tiada bayaran diterima sehingga tamat tempoh akan menjadikan tanah tersebut diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 hendaklah dimasukkan di dalam Kertas Pertimbangan untuk di angkat kepada Pihak Berkuasa Negeri.

6. Pihak-pihak yang mana kelulusan pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 terbatal kerana Notis Borang 5A tamat tempoh boleh mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Tanah

Kelantan dan perlu menjelaskan bayaran Notis Borang 5A dalam tempoh empat(4) bulan dari tarikh pemberimilikan kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

7. Sebarang permohonan yang diterima oleh Pesuruhjaya Tanah Kelantan selepas tamatnya tempoh empat(4) bulan tersebut akan dikenakan bayaran-bayaran yang akan ditentukan oleh Pesuruhjaya Tanah Kelantan.

8. Pentadbir Tanah hendaklah mengambil langkahannya sewajarnya dengan mengeluarkan surat pentadbiran untuk memaklumkan perkara di Perenggan 6 dan Perenggan 7 kepada pihak-pihak berkaitan.

9. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah di seluruh negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan tersebut.



.....
DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Mulia Dato' Tengku/Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARUL NAIM
15576, KOTA BHARU, KELANTAN.**

NO FAIL : PTG.KN.32/69 Jld 4(20).
BERTARIKH : 27 Mei 2019.